

1 Apakah itu Jabatan Bantuan Guaman?

Jabatan Bantuan Guaman ialah suatu jabatan Kerajaan di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri yang menyediakan khidmat nasihat dan bantuan guaman dalam prosiding tertentu di mahkamah sivil dan mahkamah Syariah di Malaysia bagi mereka yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan khidmat peguam swasta.

2 Apakah objektif Jabatan Bantuan Guaman?

Objektif Jabatan Bantuan Guaman ialah memberi perkhidmatan bantuan dan nasihat guaman serta khidmat pengantaraan dan kesedaran undang-undang kepada mereka yang berkelayakan dengan cekap, tepat dan berkesan.

3 Apakah peranan dan fungsi Jabatan Bantuan Guaman?

Peranan dan fungsi Jabatan Bantuan Guaman adalah seperti yang berikut:

- memberi nasihat dalam semua perkara undang-undang, sivil dan Syariah;
- mewakili atau menyediakan khidmat peguam dalam perbicaraan di mahkamah-mahkamah di Malaysia (sivil dan Syariah) yang termasuk di bawah bidang kuasanya;
- menjalankan proses pengantaraan bagi tujuan menyelesaikan pertikaian secara damai dan sukarela;
- memberi ceramah dan penerangan kepada orang awam tentang hak-hak mereka di bawah Akta Bantuan Guaman 1971.

4 Siapakah yang layak untuk mendapat khidmat bantuan guaman?

Terdapat dua kategori orang yang layak mendapat khidmat bantuan guaman -

- sekiranya pemohon mempunyai pendapatan yang tidak melebihi RM25,000.00 setahun, pemohon layak mendapat khidmat bantuan guaman secara percuma dan hanya perlu membayar RM2.00 sebagai yuran pendaftaran;
- sekiranya pemohon mempunyai pendapatan yang melebihi RM25,000.00 setahun tetapi tidak melebihi RM30,000.00 setahun, pemohon dikenakan bayaran RM300.00 dan RM2.00 sebagai yuran pendaftaran.

5 Apakah bidang kuasa Jabatan Bantuan Guaman dalam mengendalikan kes di mahkamah?

Bidang kuasa Jabatan Bantuan Guaman adalah seperti yang berikut:

- Kes kekeluargaan sivil/Syariah
 - tuntutan nafkah
 - perubahan perintah nafkah
 - menguat kuasa perintah nafkah
 - tuntutan cerai
 - hak penjagaan
 - harta sepencarian/harta perkahwinan
 - mutaah
- Kes sivil
 - pampasan pekerja
 - penanaman padi
 - harta pusaka kecil
 - tuntutan kemalangan jalan raya
 - pinjaman wang
 - sewa beli
 - sewaan
 - surat kuasa mentadbir
 - permohonan anak angkat
 - tuntutan pengguna

(c) Kes jenayah

- untuk memohon meringankan hukuman bagi mereka yang mengaku salah dalam semua kes jenayah di mahkamah sivil.
- prosiding jenayah di bawah Akta Kanak-Kanak 2001.
- prosiding jenayah di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 [Akt. 336].

6 Sekiranya kes itu di luar bidang kuasa Jabatan Bantuan Guaman atau pendapatannya melebihi had kelayakan, adakah masih boleh mendapatkan bantuan guaman?

Walaupun seseorang itu tidak layak mendapat bantuan guaman atau kes beliau di luar bidang kuasa Jabatan Bantuan Guaman, bantuan guaman masih boleh diberikan dengan kelulusan khas Y.B. Menteri. Walau bagaimanapun, kebenaran khas Menteri ini hanya akan diberikan dalam kes yang sekiranya bantuan guaman tidak diberikan, ia akan mendatangkan kesusahan dan ketidakadilan kepada pemohon. Permohonan boleh dibuat melalui Ketua Pengarah Bantuan Guaman.

7 Sekiranya satu pihak telah diwakili oleh Jabatan Bantuan Guaman bolehkah pihak yang satu lagi mendapatkan bantuan guaman yang sama?

Ya, kedua-dua pihak boleh mendapat bantuan guaman sekiranya mereka layak. Walau bagaimanapun, Jabatan Bantuan Guaman tidak akan mewakili mana-mana pihak dalam prosiding tersebut. Sebaliknya Jabatan itu akan melantik panel peguam yang berdaftar dengan Jabatan Bantuan Guaman bagi mengendalikan kes tersebut.

8 Adakah pemohon akan dikenakan bayaran kepada panel peguam yang dilantik?

Tidak, bayaran perkhidmatan peguam panel akan ditanggung oleh pihak Jabatan Bantuan Guaman.

9 Apakah maklumat dan dokumen yang diperlukan untuk mendapatkan khidmat Jabatan Bantuan Guaman ?

Maklumat dan dokumen yang diperlukan ialah -

- Kad pengenalan
- Surat nikah/cerai asal
- Sijil kelahiran anak
- Nama dan alamat
- Pekerjaan
- Perintah perceraian
- Laporan perubatan
- Laporan polis
- Nama majikan
- Saksi
- Penyata gaji
- Perakuan daripada majikan
- Pengesahan pemastautinan pihak yang menuntut
- Apa-apa dokumen yang berkaitan.

Untuk keterangan lanjut, sila berhubung dengan mana-mana cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berdekatan atau Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman di alamat yang berikut:

**IBU PEJABAT
JABATAN BANTUAN GUAMAN
ARAS 1,
BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
PRESINT 3, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
62692 PUTRAJAYA**

NO. TELEFON : 03-88851000

NO. FAKSIMILE : 03-88851829/1830/1831

LAMAN WEB : www.jbg.gov.my

SMS : Taip JBG MENU dan hantar ke 15888

WILAYAH PERSEKUTUAN

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Tingkat 2, Menara EON Bank,
Jalan Raja Laut, 50504 W.P. Kuala Lumpur.
Tel. : 03-26942700
Faks : 03-26940040

SELANGOR

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Tingkat 6, Plaza Perangsang,
Persiaran Perbandaran,
40000 Shah Alam, Selangor.
Tel. : 03-55106192/298
Faks : 03-55190846

NEGERI SEMBILAN

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Tingkat 7, Wisma Persekutuan,
Jalan Dato' Abdul Kadir,
70000 Seremban, Negeri Sembilan.
Tel. : 06-7630457
Faks : 06-7610380

MELAKA

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Tingkat 6, Menara Persekutuan,
Jalan Persekutuan, MITC,
Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka.
Tel. : 06-2345277/06-2345288
Faks : 06-2345280

PAHANG

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Tingkat 8, Wisma Persekutuan,
Jalan Gambut, 25000 Kuantan, Pahang.
Tel. : 09-5161135/2639
Faks : 09-5157120

RAUB

Penolong Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Tingkat 2, Bangunan Gunasama Persekutuan,
Jalan Tengku Abdul Samad,
27600 Raub, Pahang.
Tel. : 09-3553677
Faks : 09-3555922

TERENGGANU

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Aras Bawah Wisma PERKESO,
Lot 2467, Jalan Air Jernih,
20538 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel. : 09-6221722/3772
Faks : 09-6237244

KELANTAN

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Lot PT 84 & PT 85, Wisma Mustapha,
Seksyen 15, Jalan Sultanah Zainab,
15050 Kota Bharu, Kelantan.
Tel. : 09-7482548/7445075
Faks : 09-7472615

GUA MUSANG

Penolong Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Tingkat 1, Lot 1.6, Bangunan Tabung Haji,
Jalan Kesedar, 18300 Gua Musang,
Kelantan.
Tel. : 09-9123688
Faks : 09-9126988

JOHOR

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Tingkat 2, Bangunan Pusat Profesional,
Jalan Dato' Syed Mohamad Mufti,
80000 Johor Bharu, Johor.
Tel. : 07-2234960/7073
Faks : 07-2247169

MUAR

Penolong Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
No. 8-1, 8-2, 8-3, Jalan Ibrahim,
84000 Muar, Johor.
Tel. : 06-9522410/9537487
Faks : 06-9528153

PERAK

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Tingkat Bawah, Blok A (A2),
Bangunan Persekutuan Ipoh,
Jalan Dato' Ahmad Said (Greentown),
30450 Ipoh, Perak.
Tel. : 05-2544027/2552240
Faks : 05-2556007

TAIPING

Penolong Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Tingkat 3, Wisma Persekutuan,
Jalan Istana Larut, 34000 Taiping, Perak.
Tel. : 05-8082701
Faks : 05-8063817

KEDAH

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Aras 3 Zon A, Wisma Persekutuan,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
06550 Bandar Muadzam Shah, Kedah.
Tel. : 04-7001550/1552/1553
Faks : 04-7327452

LANGKAWI

Penolong Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Lot 10B & 11B, Tingkat Bawah,
Kompleks Cayman,
Pekan Baru Kuah, 07000 Langkawi, Kedah.
Tel. : 04-9698180/183
Faks : 04-9698181

PULAU PINANG

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Aras 4, Bangunan Gunasama,
Persekutuan, Jalan Anson,
10400 Georgetown, Pulau Pinang.
Tel. : 04-2290966/5966
Faks : 04-2287966

PERLIS

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman,
No. 8, 10, 12, Taman Temak Jaya,
Jalan Kangar- Alor Star, 01000 Kangar, Perlis.
Tel. : 04-9767739
Faks : 04-9760308

SABAH

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Tingkat 2, Menara MAA,
No.6, Lorong Api-Api 1, Peti Surat 11319,
88814 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel. : 088-488296/426/434
Faks : 088-488097/096

LABUAN

Penolong Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Level 9, Blok 4, Menara Pejabat Ujana Kewangan,
Jalan Merdeka, 87018 W.P. Labuan.
Tel. : 087-412242
Faks : 087-411531

SARAWAK

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Tingkat 6, Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga, 93504 Kuching, Sarawak.
Tel. : 082-258699/082-238509
Faks : 082-243978

MIRI

Penolong Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Wisma Yu Lan, Lot 97, Tingkat 13,
Jalan Brooke, Peti Surat 2300,
98000 Miri, Sarawak.
Tel. : 085-423606
Faks : 085-425204

SIBU

Penolong Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Tingkat 10 (section A),
Wisma Vasty, Lot No. 4, Blok 5,
No.15 Jalan Pulau, 96000 Sibu,
Sarawak.
Tel. : 084-343978
Faks : 084-346978

JABATAN BANTUAN GUAMAN



Diterbitkan oleh
JABATAN BANTUAN GUAMAN